



**HARUN (kedua dari kiri) dan Yunus (kedua dari kanan) sedang menandatangani dokumen MoU sambil disaksikan oleh Abdullah (kiri) dan Alexander.**

## UMS-JMG perkasa kerjasama dengan jalinan MoU

DE 13.2.2014 6

**KOTA KINABALU:** Hubungan kerjasama yang sekian lama terjalin antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) diperkasakan lagi melalui satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), Rabu.

Pemeteraian MoU yang berlangsung di Galeri Majlis, Bangunan Canselori itu menyaksikan UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dan JMG diwakili Ketua Pengarah, Dato' Yunus Abdul Razak saling bertukar dokumen MoU sebagai simbolik kepada hubungan erat dan pelbagai kerjasama lanjut yang bakal dilaksanakan secara berterusan.

Terdahulu, Datuk Harun dalam ucapannya berkata, jalinan kerjasama MoU itu membuktikan UMS maju setapak lagi dalam usaha meningkatkan impak penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Ujarnya, kerjasama antara UMS dan JMG sebenarnya telah berlangsung sejak sekian lamanya secara tidak formal.

"Kita mempunyai ramai pelajar yang menjalani latihan praktikal

selain penglibatan para penyelidik UMS dalam projek-projek yang dijalankan oleh JMG," tambahnya lagi.

Sementara itu, Dato' Yunus dalam ucapannya pula berkata, beliau sangat mengalu-alukan kerjasama seumpama itu yang disifatkannya mampu memberikan impak kepada penjana sumber negara melalui penyelidikan yang dijalankan.

"Kita mempunyai data-data dalam bidang-bidang geosains dan mineral yang boleh dikongsi untuk tujuan tersebut," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa ramai kakitangan JMG yang melanjutkan dan menamatkan pengajian di UMS yang kemudiannya berkhidmat dengan cemerlang dalam jabatan.

"Justeru, MoU yang ditandatangani pada hari ini bukan sebagai permulaan tetapi sebagai penggalak atau pendorong terhadap pelbagai kerjasama lain," jelasnya lagi.

Majlis menandatangani MoU itu telah disaksikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said dan Pengarah JMG Sabah, Alexander Yan Sze Wah.